

Lawatan PM berjaya perkukuh hubungan dua hala

BH 25 MAY 2002

Daripada Saidon Idris

SEOUL, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengakhiri lawatan lima hari beliau ke Jepun dan Korea Selatan hari ini, berjaya mengukuhkan hubungan dua hala dengan kedua-dua negara berkenaan.

Perdana Menteri yang tiba di sini dari Tokyo, Rabu lalu, selepas melakukan lawatan kerja ke Jepun, berlepas dari Lapangan Terbang Chongju kira-kira jam 1 tengah hari ini.

Bagaimanapun sebelum berlepas, Dr Mahathir bersama rombongan, pada sebelah paginya sempat melawat pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Sains Hayat LG Chemical Investment dan Satellite Technology Research Cen-

tre Initiative (SaTReCi), kedua-duanya terletak di Daejon, kira-kira 150 kilometer dari bandar raya Seoul.

Lawatan rasmi Dr Mahathir ke sini atas jemputan Presiden Korea Selatan, Kim Dae-Jung.

Ketika di sini, Perdana Menteri mengadakan pertemuan dengan Kim dan berbincangan kedua-dua pemimpin itu berkisar mengenai hubungan dua hala dan perlunya hubungan lebih erat antara kedua-dua negara di samping sokongan Korea Selatan bagi penubuhan sekretariat Asean+3 di Kuala Lumpur.

Beliau dan Kim turut membincangkan pembaharuan yang dilaksanakan di Korea dan isu penyatuan semenanjung Korea. Di samping itu, Perdana Menteri dan Kim menyentuh secara umum isu kegana-

san.

Perdana Menteri berkata, Malaysia mahu belajar daripada Korea Selatan terutama cara menguruskan ekonominya dan kejayaan republik itu meneroka pasaran antarabangsa.

Perdana Menteri turut menemui ahli perniagaan Korea Selatan bagi menjangkakan dasar dan keadaan sebenar ekonomi negara.

Beberapa memorandum persefahaman (MoU) antara syarikat dan agensi Malaysia dengan Korea Selatan turut dimeterai ketika lawatan itu.

Antara MoU itu antara Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dan Korea International Trade untuk menggalakkan kerjasama dalam promosi perdagangan; Naza Kia Sdn

Bhd dan KIA Motors Corporation untuk usaha sama pengeluaran dan pemasangan kenderaan KIA di Malaysia bagi pasaran Malaysia dan Asia Pasifik; LG Chem Investment Ltd, Korea dan Innobiologics Sdn Bhd Malaysia untuk proses pembangunan bersama sel mamalia bagi pengeluaran bio-farmaseutikal di Malaysia dan antara Phytes Biotek Sdn Bhd dan Dae Seong Trading Co, Korea, mengenai pembelian produk Tongkat Ali oleh Dae Seong untuk pengeluaran minuman tenaga herba daripada Phytes Biotek.

Sementara itu, lawatan kerja Perdana Menteri ke Jepun yang bermula Isnin lalu bagi menerima jemputan untuk menyampaikan ucapan pada Persidangan Antarabangsa Nikkei Kelapan yang diadakan Selasa lalu.

Bagaimanapun ketika lawatannya, Dr Mahathir turut mengadakan pertemuan yang berjaya dengan Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi.

Pada pertemuan itu, Jepun memberi jaminan untuk terus membantu Malaysia.

Kedua-dua pemimpin itu turut membincangkan pinjaman mudah Jepun bagi pelaksanaan projek di Malaysia serta penubuhan sekretariat Asean+3 sebagai permulaan ke arah pembentukan rasmi Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG).

Jepun menyatakan sokongannya terhadap cadangan bagi sekretariat itu ditubuhkan di Malaysia.

Dr Mahathir juga sempat bertemu ahli akademik yang terbabit dalam bidang penyelidikan genetik binatang dan tumbuhan, di samping wakil syarikat far-

maseutikal dalam penyelidikan bagi penemuan kompaun untuk perubatan.

Pada pertemuan itu, mereka menyatakan hasrat untuk bekerjasama dengan Malaysia dan melatih saintis Malaysia dalam teknik penyelidikan yang canggih itu.